

**Pendokumentasian Biografi Ikon Sejarawan Terbilang Negeri  
Kedah: Dato' (Dr.) Wan Shamsudin Mohd Yusof**

Muhammad Alif Bin Sharbany  
Wan Mohammad Aiman Bin Wan Zam Zani  
Saiful Farik Mat Yatin  
Nordiana Mohd Nordin  
Abdul Rahman Ahmad

**Fakulti Pengurusan Maklumat  
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana**  
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.

**Abstrak**

*Artikel ini adalah berdasarkan daripada sumber utama iaitu Sejarah Lisan di mana sumber yang didapati adalah daripada tokoh itu sendiri. Tokoh ini merupakan seorang tokoh yang telah banyak berjasa kepada negeri Kedah terutamanya dalam bidang sejarah dan penulisan iaitu Dato' (Dr.) Wan Shamsudin Mohd Yusof atau lebih dikenali dengan gelaran Pak Wan. Antaranya perkara yang dibincangkan adalah sumbangan beliau ketika menjadi seorang guru, dalam Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah (PSMCK), dalam bidang penulisan dan kaji selidik sejarah negeri Kedah dan pencapaian-pencapaian terbesar yang beliau telah dapat sehinggakan beliau dianugerahkan sebagai Ikon Sejarawan Terbilang Negeri Kedah. Tokoh ini juga menjadi sumber rujukan oleh Sultan Negeri Kedah, Exco Kerajaan Negeri Kedah, pihak Arkib Negara Kedah/Perlis, para pengkaji sejarah, mahasiswa universiti, pelajar sekolah dan juga orang awam yang ingin mengetahui mengenai sejarah negeri Kedah.*

**Kata kunci:** Dato' (Dr.) Wan Shamsudin Mohd Yusof, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah (PSMCK), Arkib Negara Malaysia Kedah/Perlis, Ikon Sejarawan Terbilang Negeri Kedah

**Pengenalan**

Sejarah merupakan suatu perkara yang patut dipelajari agar perkara yang lampau tidak akan berulang kembali. Sejarah juga memberi banyak pengajaran agar kita sentiasa memperbaiki perkara yang tidak seharusnya dilakukan bagi mengelak perkara tersebut berulang yang sudah pastinya akan memburukkan keadaan. Walaupun sejarah telah berlalu lebih seabad, setiap perkara yang berlaku adalah satu nilai yang sangat berharga kepada individu, bangsa dan negara. Jika hilangnya nilai itu, tiada ertinya sejarah kerana tiada siapa yang akan mempedulikannya (MYNEWSHUB, 2017).

**Latar Belakang Dato' (Dr.) Wan Shamsudin Mohd Yusof**

Dato' (Dr.) Wan Shamsudin Bin Mohd Yusof merupakan seorang tokoh yang amat dikenali di negeri Kedah Darul Aman. Mesra dipanggil Pak Wan ataupun Cikgu oleh anak-anak murid beliau kerana beliau adalah merupakan salah seorang bekas guru yang telah berkhidmat selama 39 tahun dalam bidang pendidikan di Negeri Kedah. Beliau seorang yang amat merendah diri dan tidak lokek dalam berkongsi ilmu terutamanya dalam aspek sejarah negeri Kedah.

Dilahirkan di Jalan Tupai, Taiping Perak Darul Ridzuan pada 17 Jamadil-Awal 1351/18 September 1932. Meskipun dilahir dan dibesarkan di Perak, namun sumbang bakti Dato' (Dr.) Wan Shamsudin Mohd Yusof dalam bidang sejarah tertumpu di negeri Kedah Darul Aman. Anak kelima daripada enam beradik ini memulakan alam persekolahannya di Sekolah Melayu Jalan Kota Taiping dan kemudian menyambung pelajaran di Sekolah Melayu Sik, Kedah dari Darjah 4 hingga Darjah 6.

Selepas tamatnya persekolahan di peringkat rendah, Dato' (Dr.) Wan Shamsudin Mohd Yusof tidak memasuki sekolah menengah pada ketika itu kerana zaman itu berlakunya era penjajahan Jepun di Tanah Melayu. Selepas tamatnya era penjajahan Jepun pada tahun 1945, barulah beliau menyambung semula pelajarannya sehingga ke peringkat Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia secara persendirian. Setelah Dato' (Dr.) Wan Shamsudin Mohd Yusof tamat menduduki Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia,

beliau telah menerima tawaran daripada Pejabat Pendidikan Negeri Kedah untuk menjadi Guru Pelatih pada 24 Mac 1948, di Sekolah Melayu Kuala Kupang, Baling. Pelbagai ujian dan peperiksaan terpaksa beliau lalui untuk menjadi seorang pendidik. Sambil mengajar sebagai seorang guru, beliau juga belajar dalam menjadi guru.

Pada tahun 1949, beliau melanjutkan pelajaran ke Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC), Tanjung Malim, Perak sebelum terpilih memasuki Maktab Perguruan Bahasa, Kuala Lumpur pada tahun 1960. Pada tahun 1970, dalam usia mencecah hampir 40 tahun beliau berjaya memasuki Universiti Malaya (Haji Mansor Haji Din, 2017).

Dato' Wan Shamsudin telah mendirikan rumah tangga dalam tahun 1955 dengan Datin Hajah Latifah Haji Mohd Hasan dan mempunyai enam (6) orang anak. Beliau turut mempunyai seorang (1) anak angkat, 13 cucu dan dua (2) cicit. Anak-anaknya berkelulusan dari pusat-pusat pengajian tinggi berlainan dan juga berbeza dari sudut kerjaya masing-masing.

Anak sulungnya, Wan Noor Ain merupakan pelajar lulusan Universiti Teknologi MARA Shah Alam, kini bekerja sebagai Pengurus WNA Insuran Berhad, Kuala Lumpur. Anak kedua, Wan Noor Hayati, pelajar lulusan Universiti Putra Malaysia, Serdang, mengikut jejak langkah beliau menjadi seorang guru. Anak ketiganya Ahmad Nazari pula menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan yang merupakan anak angkat yang diambil dari abang iparnya. Anak keempat Wan Iskandar Zulkarnain, merupakan pelajar lulusan *Louisiana State University*, Amerika Syarikat dan kini adalah seorang arkitek dalam senibina bangunan manakala anak kelimanya pula Wan Siti Nurbaya, merupakan pelajar lulusan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi dan kini bekerja sebagai seorang tenaga pengajar KUMON, di Alor Setar. Anak beliau yang keenam Wan Muhammad Hamka merupakan pelajar lulusan *Wisconsin Madison University*, Amerika Syarikat dalam bidang kejuruteraan elektrik. Anak bongsunya Wan Zainal Abidin yang bekerja di Jabatan Penerangan telah meninggal dunia pada tahun 2018 (Utusan Online, 2018).

Semenjak 2011, beliau memiliki sebuah mini perpustakaan diberi nama Teratak Iskandar yang direka dan dibangunkan sendiri oleh anaknya Wan Iskandar Zulkarnain. Pembinaan teratak yang terletak berhampiran dengan rumah adalah khas untuk menyimpan koleksi-koleksinya dan memberi ruang untuk berkarya. Di sinilah terdapat pelbagai koleksi karya sejarah,

sastera dan budaya sejak tahun 1950an termasuklah pelbagai manuskrip (Haji Mansor Haji Din, 2017). Teratak ini terbuka kepada semua para pelajar dan mahasiswa serta semua mereka yang cintakan ilmu.



Gambar 1: Dato' (Dr.) Wan Shamsudin Mohd Yusof



Gambar 2: Foto Keluarga Dato' (Dr.) Wan Shamsudin Mohd Yusof  
bersama isteri, anak-anak beserta cucu-cucu



Gambar 3: Teratak Iskandar

**Perkhidmatan Pendidikan - Guru Cemerlang**

Pak Wan merupakan seorang guru yang mengajar matapelajaran Sejarah dan Sastera. Oleh kerana minat ini telah terlahir dan terpujuk sejak kecil maka beliau meneruskan minat tersebut sehingga menjadikannya pakar dalam bidang sejarah dan bidang penulisan.

Tiada istilah jemu bagi Pak Wan dalam mendidik anak-anak bangsa terutamanya anak muda dalam matapelajaran Sejarah yang beliau anggap amat penting untuk diketahui dan diambil iktibar dan pengajaran dari sejarah negara dan bangsa. Pak Wan lebih gemar menggunakan kaedah bercerita dan berjenaka dalam teknik pengajarannya di dalam kelas. Ini bertujuan agar para pelajarnya tidak merasakan matapelajaran Sejarah ini satu subjek yang membosankan, akan tetapi satu matapelajaran yang membawa pelajar ke dunia yang penuh dengan cabaran dan aksi agar pelajar lebih bersemangat (Rahmat Othman, 2005). Ramai dikalangan bekas pelajar Pak Wan yang telah berjaya dalam bidang masing-masing dan telah menempa nama di persada negara seperti terlibat dalam dunia politik. Beberapa individu ternama antaranya Dato' Seri Ahmad Bashah Bin Md Hanipah yang merupakan bekas Menteri Besar Negeri Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid yang merupakan bekas Menteri Pelajaran Malaysia dan Dato' Sri Chor Chee Heung yang merupakan bekas Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia (Wan Shamsudin Mohd Yusof, 2014).

Setelah berkhidmat selama 39 tahun beliau menamatkan kerjaya beliau sebagai seorang guru dengan jawatan terakhirnya sebagai Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Air Putih, Pendang pada 18 September 1987. Sepanjang perkhidmatannya dalam bidang pendidikan, beliau banyak menerima anugerah seperti Anugerah Surat Penghargaan Perkhidmatan Cemerlang daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Malaysia pada 2 November 1987, Tokoh Guru Kedah (1993), Tokoh Guru Kebangsaan (1994) dan Tokoh Guru Suluh Budiman daripada Universiti Perguruan Sultan Idris (2002) (Haji Mansor bin Haji Din, 2017).

**Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah (PSMCK)**

Pak Wan sangat aktif dalam banyak persatuan dan pertubuhan. Antaranya Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah (PSMCK). Objektif penubuhan PSMCK adalah untuk memupuk minat yang mendalam dikalangan pelajar, masyarakat dan pengkaji terhadap sejarah berkaitan negeri Kedah Darul Aman. Selain itu, ianya juga berperanan sebagai pusat pengumpulan dan pemuliharaan artifak/monumen/tinggalan-tinggalan bahan bersejarah yang tinggi nilainya. Pak Wan adalah merupakan antara ahli yang terawal mengasaskan PSMCK pada 28 Julai 1956. Pengerusi pertama ketika itu adalah YTM Tunku Dato' Seri Muhammad Jawa Ibni Sultan Sir Abdul Hamid Halim Shah, Tunku Temenggong Kedah atau lebih dikenali sebagai Tengku Nong Jawa. Pak Wan pernah memegang pelbagai jawatan induk, juga memegang jawatan tertinggi seperti Setiausaha dan Bendahari Kehormat, Ketua Pengarang dan Naib Pengerusi sehinggalah beliau dilantik menjadi Pengerusi yang ke-8 pada tahun 2008 (Mohd.Rafie Azimie, 2018).

Beliau juga dilantik sebagai AJK Eksekutif Persatuan Sejarah Malaysia sejak tahun 2005 hingga 2013. Antara jawatan lain dalam pertubuhan yang disertainya termasuklah Ahli Lembaga Muzium Negeri Kedah, Ahli Sahabat Arkib Malaysia Cawangan Kedah dan Perlis, Penasihat Persekutuan Khairat Kematian Amanatul-Muslimin Pengkalan Kapal, Alor Setar dan Pengerusi Koperasi Kebajikan Am, Simpang Kuala, Alor Setar. Sebelum ini beliau pernah menjadi Ketua Satu (1) Angkatan Sasterawan Nasional Kedah (ASASI), Presiden Persatuan Guru-Guru Bersara Negeri Kedah, Naib Yang Dipertua Satu (1) Majlis Kebudayaan Negeri Kedah, Anggota Lembaga Koperasi Penulis Utara Malaysia dan AJK Dewan Perhimpunan Melayu Kedah (Haji Mansor bin Haji Din, 2017).



Gambar 4: Dari kiri: Muhammad Alif Bin Sharbany, Encik Jamil Bin Hashim (Penolong Setiausaha), Dato' (Dr.) Wan Shamsudin, Puan Hajah Sopiah Binti Ramli (Setiausaha Kehormat) dan Wan Mohammad Aiman Bin Wan Zam Zani di Pejabat Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah, Alor Setar Kedah Darul Aman

### Penulisan Dan Karya

Sejak tahun 1950an lagi, Pak Wan bergiat aktif dalam menulis artikel berkaitan sejarah, bahasa, sastera dan budaya di pelbagai media termasuk Majalah Guru, Mastika, Hiburan, Pengasuh, Berita Minggu, Utusan Melayu / Malaysia, Warta Negara dan Warta Darul Aman terbitan Kerajaan Kedah (Rahmat Othman, 2005). PSMCK juga turut menerbitkan buku beliau bertajuk 'Kedah Dari Segi Sejarah', 'Kelopak Jantung', 'Cetera' dan 'Lindungan Bulan'.

Antara lain buku beliau ialah 'Sejarah Tanah Melayu dan Sekitarnya' (1964 / 1968) yang telah terpilih sebagai buku teks sekolah di Negara Brunei Darussalam, 'Hikayat Abu Nawas' (1966), 'Sejarah Sastera Melayu Moden' (1976/1978/1984/1986), 'Dari Pulau Adang ke Pulau Tiga' (1999), 'Kedah Dalam Lipatan Sejarah' (2004 dan 2015), 'Sejarah Menteri-Menteri Besar Kedah Darul Aman' (2006) bersama Fauziah Awang dan 'Kedah Dalam Warisan Sejarah & Budaya Nusantara' (2014). Semasa bertugas sebagai Pegawai Penyelidikan dengan Lembaga Muzium Negeri Kedah, beliau berjaya menghasilkan buku kecil berjudul 'Kedah Darul Aman Sepanjang Zaman' (1992), 'Liku-Liku Sejarah Perjuangan Menuju Kemerdekaan' (1990/1992) dan 'Rumah Bersejarah di Kampung Lindungan Raja, Kulim' (1992).

Paling penting di bidang penulisan ini ialah kajian beliau mengenai 'Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid, 1882 – 1943' dan 'Manuskrip Jawi Koleksi Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah/Perlis'. Berdasarkan 12 buah artikel hasil kajiannya ini yang termuat dalam Warta Darul Aman dan bantuannya kepada pihak Arkib, akhirnya 'Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid' ini mendapat pengiktirafan *The Memory of the World* sebagai salah sebuah karya agung warisan dunia dari pihak UNESCO pada 4 September 2001. Atas usahanya itu juga, beliau dianugerahkan Sijil Khidmat Terpuji oleh Arkib Negara Malaysia. Beliau juga telah terlibat dalam pembentangan hampir 80 kertas kerja dalam beberapa seminar, forum dan ceramah yang berkisar pada sejarah, budaya, sastera dan tokoh ulama Kedah silam (Haji Mansor Haji Din, 2017).



Gambar 5: Koleksi-Koleksi penulisan buku, risalah, majalah Dato' (Dr.) Wan Shamsudin Mohd Yusof

Beliau juga diminta oleh pihak Kerajaan Negeri Kedah, Jabatan-jabatan atau pertubuhan tertentu untuk menyumbangkan artikel-artikel sejarah untuk risalah atau buku bersempena dengan sesuatu peristiwa yang dilancarkan. Antaranya termasuklah:

1. Buku 'Pameran Alor Setar 250 Tahun: MS. 1 – 52' (1990)
2. Risalah 'Perasmian Wisma Darul Aman' (1993).
3. Buku 'Perasmian Arkib Negara Malaysia, Cawangan Kedah – Perlis' (2003)
  - i. 'Kedah hingga abad ke-20': MS. 7 – 24.



- ii. 'Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid, 1882 – 1943': MS. 25 – 46.
4. Risalah 'Perasmian Bangunan Baru Muzium Negeri Kedah':
    - i. 'Sejarah Penubuhan Muzium Negeri Kedah': MS. 13 – 15.
    - ii. 'Kedah Terserlah dengan Kisah-Kisah Sejarah': MS. 16 – 23.\
  5. Risalah 'Perasmian Persidangan Speaker-Speaker Dewan Parlimen Negara dan Dewan Undangan Negeri' seluruh Malaysia, di Langkawi 3 hingga 7 Jun 2007.

Tajuk: 'Sejarah Penubuhan Dewan Undangan Negeri Kedah dan Perkembangannya, 1905 – 2007': MS. 8 – 12.
  6. Istiadat Penyerahan Watikah Bandaraya Alor Setar, 28 November 2003, di Balai Penghadapan Istana Anak Bukit.
    - i. 'Detik-detik Penting Dalam Sejarah Bandaraya Alor Setar, 1935 hingga kini'.
    - ii. 'Pengkisahan Bandaraya Alor Setar'.

### **Ekspedisi Kaji Selidik Sejarah Kedah**

Tidak hanya bergiat aktif dalam bidang penulisan dan sastera mahupun di PSMCK, beliau juga bergiat aktif dalam kajian sejarah Negeri Kedah. Pak Wan banyak mengetuai ekspedisi kajian sejarah ini bagi membongkar tinggalan sejarah tanah air, terutama di Kedah. Antara penemuan yang amat penting bagi beliau yang membuka mata negara ialah Pengesahan Keturunan Lagenda Rakyat Kedah, Puteri Mahsuri di Kampung Kemala, Phuket, Thailand pada tahun 1988 setelah Wan Aishah (Generasi ke-7 Mahsuri) ditemui di sana. Penemuan ini telah disahkan dan diperakui oleh Kerajaan Kedah (Wan Shamsudin Mohd Yusof, 2014). Sebelum itu, beliau bersama enam (6) orang Ahli Jawatankuasa Persatuan Sejarah Kedah bersama Presidennya Tunku Nong Jawa pernah melakukan kajian sejarah dan budaya terhadap masyarakat 'Orang Laut' di Pulau Adang, yang dahulunya menjadi milik Kedah di Lautan Andaman pada tahun 1958. Kajian terakhir beliau dan ahli kumpulannya yang ditaja oleh Majlis Kebudayaan Negeri Kedah pada 24 – 27

Mei 2007 adalah penemuan masyarakat Melayu Kedah di Desa Jaring Halus, Kabupaten Langkat, Sumatera Utara. Mereka bermastautin di sini sejak beratus tahun. Jumlah penduduknya seramai 600 orang itu masih bertutur Bahasa Melayu dialek Kedah disamping mengamalkan adat resam Kedah dalam kehidupan seharian mereka (Haji Mansor Haji Din, 2017).

Pak Wan juga amat berminat dalam penyelidikan mengenai bedil atau meriam lama milik kerajaan Melayu Nusantara, terutamanya yang mengandungi catatan atau inskripsi pada meriam-meriam tersebut. Menurutnya, inskripsi yang tertera pada bedil atau meriam, pada batu-batu nisan silam juga merupakan manuskrip Melayu/Islam yang amat bernilai tinggi dari sudut warisan (Rahmat Othmat, 2005). Antara meriam lama yang sudah dikajinya termasuklah 'Meriam Kedah' yang menjadi tawanan Ligur di Thailand, Meriam 'Sultan Sulaiman', 'Senggora' yang berada di London, meriam 'Seri Patani' di Bangkok dan meriam 'Seri Rambai' kepunyaan Johor di Pulau Pinang.

Antara aktiviti paling popular dan mendapat sambutan dikalangan ahli persatuan ialah aktiviti yang dikendalikan oleh Biro Lawatan Sambil Belajar (LASBELA) dan Jejak Sejarah. Pak Wan dipilih untuk mengetuai rombongan LASBELA ini sejak tahun 1988 dan berjaya mengunjungi seluruh wilayah di Thailand, Laos, Kemboja, Vietnam dan Indonesia termasuk Padang, Bukit Tinggi, Jogjakarta, Solo, Bandung, Siak Inderapura, Palembang, Langkat, Medan, Aceh, Bali, Makasar serta Banten (Haji Mansor Haji Din, 2017).

### **Pengiktirafan**

Telah banyak anugerah yang diterima sepanjang penglibatan beliau dalam bidang sejarah, sastera dan budaya selama setengah abad. Antaranya:

1982: Anugerah ahli mangku Negara Kedah (AMN);

1985: Bintang Perkhidmatan Cemerlang Kedah (BCK);

1990: Bintang Setia Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (BMS);

1999: Dato' Setia DiRaja Kedah (DSDK) dan Tokoh Sejarah Kedah pada 6 Oktober 1999;

2006: Tokoh Sejarah Gemilang (Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah);

2007: Tokoh Permuziuman Negara (Muzium Negara);

2008: Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Sejarah) sempena Majlis Konvokesyen ke-21 Universiti Utara Malaysia (UUM) yang disampaikan oleh Canselor UUM, Almarhum Al-Sultan Al-Mu'tassimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah;

2009: Tokoh Maal Hijrah Kedah 1431 Hijrah;

2011: Tokoh Budayawan Kedah 2010;

2012: Anugerah FELO Persatuan Sejarah Malaysia, di Wisma Sejarah, Kuala Lumpur pada 25 Februari 2012;

2016: Anugerah Ikon Sejarawan Kedah, Peringkat Kebangsaan, sempena Hari Muzium Antarabangsa 2016; (Mohd.Rafie Azimie, 2018)



Gambar 6: Menerima Anugerah Tokoh Guru Peringkat Negeri Kedah Yang disampaikan oleh Almarhum Al-Sultan Al-Mu'tassimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah



Gambar 7: Menerima Anugerah Tokoh Guru Peringkat Kebangsaan yang disampaikan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad (Perdana Menteri Malaysia ke-Empat)



Gambar 8: Menerima Anugerah Budayawan Negeri Kedah yang disampaikan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Temenggong Kedah Brigadier Jeneral Dato' Seri Diraja Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz binti Almarhum Sultan Abdul Halim



Gambar 9: Menerima Anugerah Tokoh Sejarawan Kedah pada tahun 1999, yang disampaikan oleh Almarhum Sultan Kedah Al-Sultan Al-Mu'tassimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah



Gambar 10: Menerima Anugerah Tokoh Maal Hijrah Kedah 1431 Hijrah




Gambar 11: Diberi pengiktirafan oleh Universiti Utara Malaysia Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Sejarah) sempena Majlis Konvokesyen UUM ke-21



Gambar 12: Anugerah Felo kali ke-6 yang dianugerahkan oleh Persatuan Sejarah Malaysia

Pengiktirafan beliau yang terkini adalah dari Kerajaan Jepun kerana menjadi pencetus utama dalam membuka semula Tugu Jepun di Alor Setar, Kedah. Pak Wan mengambil idea asal daripada buku sejarah yang menceritakan mengenai Pearl Harbour (KWIKnews, 2019).



Gambar 13: Warkah Penghargaan daripada Konsul Jeneral Kerajaan Jepun



Gambar 14: Dato Wan Shamsudin Mohd Yusof bersama YB Mohd Asmirul Anuar Bin Aris (Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah) yang berada di tengah bersama wakil Konsul Kerajaan Jepun di Pulau Pinang (KWIKnews, 2019).

### **Kesimpulan**

Sehingga kini perjuangan Pak Wan dalam memulihara dan memartabatkan sejarah Kedah masih berterusan tanpa noktah. Banyak gelaran atau panggilan nama yang diterima, antaranya daripada Allahyarham Dato' Adi Taha, (Mantan Pengarah Muzium Negara) yang menyifatkan Pak Wan sebagai 'Ensiklopedia Sejarah Kedah', tanyalah apa jua soalan mengenai Kedah, belum pun habis disoal beliau sudah menjawab sepenuhnya (Utusan Online, 2018). Dato' Dr. Haji Hamdan bin Mohamed Khalib (Mantan Pengerusi Lembaga Muzium Negeri Kedah) menyifatkan Pak Wan adalah 'Perpustakaan Sejarah Bergerak' sementara YB. Dato' Haji Mohd Rawi Abdul Hamid (Mantan Ahli Majlis Mesuarat Kerajaan Kedah) pula menggelarkan Pak Wan selaku 'Sumber Rujukan' kepada semua lapisan termasuk pihak kerajaan negeri, para penyelidik dan pencinta sejarah. Mohd. Nazri Ibrahim dan Azman Md. Salleh (penulis dari Dewan Bahasa dan Pustaka) menyatakan Pak Wan adalah 'Perakam Sejarah Yang Gigih' (Utusan Online, 2018). Pak Wan juga berharap anak muda masa kini tidak lupa akan sejarah yang menjadi titik permulaan kepada individu, bangsa, agama dan negara. Jika lupa akan sejarah, maka lenyaplah sejarah itu bak angin berlalu begitu sahaja tiada siapa yang akan mempedulikannya (MYNEWSHUB, 2017).

Pak Wan juga ada berpesan, 'Jika memandu kenderaan, janganlah hanya sekadar memandang ke hadapan, kiri atau kanan tetapi pandanglah jua ke belakang' yang bermaksud; setiap perkara jangan hanya memandang ke hadapan, kiri dan kanan sahaja dan terlupa untuk memandang ke belakang untuk melihat apa yang telah dilalui dan apa yang telah berlaku. Dengan memandang ke belakang, kita dapat memperbetulkan dan mengambil iktibar atas apa kesalahan yang telah terjadi dan mengelak daripada perkara yang sama dan salah itu dari berulang (Wan Shamsudin Mohd Yusof, 2014). Sejarah ibarat roda yang sentiasa berputar, jika lalai, tidak mustahil perkara yang telah menjadi sejarah akan berulang kembali.

**Rujukan**

- Haji Mansor Haji Din. (2017). *Biodata Dato' (Dr.) Haji Wan Shamsudin Bin Mohd Yusof: 1932 - 2017*. Alor Setar, Kedah Darul Aman: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah.
- Mohd Rafie Azimie. (2018, Mei 24.) Ikon Sejarawan Terbilang Kedah. *Utara*, 1
- MYNEWSHUB. (2017, October 21). *Jasad Ulama Terkenal Kedah Akan Dibawa Pulang*. Retrieved from <https://www.mynewshub.tv/tag/datuk-dr-wan-shamsudin-mohd-yusof/>
- KWIKnews. (2019). Tugu Jepun: Kerajaan Kedah Mohon Maaf. Retrieved from <https://www.kwiknews.my/news/tugu-jepun-kerajaan-kedah-mohon-maaf>
- Rahmat Othman. (2005, June 19) Pak Wan Sejarawan Terulung. *Metro Ahad*, 52
- Utusan Online. (2018, March 24). Ikon sejarawan terbilang Kedah. Retrieved from <http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/kedah/ikon-sejarawan-terbilang-kedah-1.678387>
- Wan Shamsudin Mohd Yusof. (2014). *KEDAH: Dalam Warisan Sejarah Dan Budaya Nusantara*. Alor Setar, Kedah: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah